

NAMA:

KELAS:

Menulis SP 3.5.1 Menulis ringkasan dan merumus pelbagai bahan prosa dengan betul menggunakan ayat yang gramatis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kepentingan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

KBAT Menganalisis/ Mencipta

ARAS: T

Sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum, perpaduan sangat penting di negara kita. Memang tidak dapat dinafikan bahawa negara pada masa ini sudah berada di peta masyarakat antarabangsa ekoran daripada usaha berterusan kerajaan dalam membina imej negara yang disegani di peringkat dunia. Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan bahawa kunci utama untuk menarik kedatangan pelabur dan pelancong ke Malaysia adalah dengan amalan perpaduan antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini.

Di samping itu, perpaduan kaum juga secara tidak langsung mampu mengukuhkan ekonomi dan kestabilan politik negara. Kestabilan politik dan perancangan kerajaan yang mesra pelabur menjadi antara sebab utama pelabur asing berani menanam modal di sesebuah negara. Hal ini demikian kerana mereka tidak mahu modal yang dilaburkan di sesebuah negara mengalami kerugian akibat pergolakan yang berlaku di negara tersebut.

Sementara itu, perpaduan juga dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni. Sebagai rakyat Malaysia, kita sudah tidak asing lagi dengan kewujudan masyarakat berbilang kaum. Kewujudan masyarakat yang harmoni akan membawa kepada kehidupan rakyat yang lebih tenang dan sejahtera. Oleh sebab itu, perpaduan penting dalam memartabatkan nama Malaysia di mata dunia. Apabila perpaduan kaum diamalkan oleh rakyat Malaysia, penindasan ekonomi tidak akan berlaku. Hal ini demikian kerana setiap kaum akan bersaing dengan adil tanpa rasa dengki.

Kesimpulannya, semua pihak harus berganding bahu dan tidak mengharapkan pihak kerajaan semata-mata dalam mewujudkan perpaduan kaum. Janganlah kita bersikap evasif mahupun bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing kerana perpaduan kaum itu hanya akan wujud apabila semua kaum memainkan peranan masing-masing dan bertolak ansur tanpa mengira warna kulit dan kepercayaan.

PADANKAN ISI BERIKUT MENGIKUT SUSUNAN PERENGKAN

Mampu mengukuhkan ekonomi dan kestabilan politik negara

Mewujudkan masyarakat yang harmoni

Setiap kaum akan bersaing dengan adil tanpa rasa dengki

Penindasan ekonomi tidak akan berlaku

Menarik kedatangan pelabur dan pelancong ke Malaysia

Membawa kepada kehidupan rakyat yang lebih tenang dan sejahtera

Memartabatkan nama Malaysia di mata dunia

Usaha berterusan kerajaan dalam membina imej negara yang disegani di peringkat dunia

ISI 1

ISI 2

ISI 3

ISI 4

ISI 5

ISI 6

JOM LENGKAPKAN RINGKASAN

Kepentingan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat adalah _____

Selain itu, pendapatan negara akan _____ apabila ekonomi negara _____

kerana _____. Seterusnya, _____.

Di samping itu, perpaduan juga dapat _____.

_____, perpaduan juga _____ di peringkat

antarabangsa. Akhir sekali, _____ dalam bidang perniagaan di negara ini

_____.



DISEDIAKAN OLEH: CIKGU FIZA, SMK BBST